



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**KAEDAH DAN CABARAN DALAM MENGURUS HUBUNGAN  
ETNIK DI MALAYSIA**

*METHODS AND CHALLENGES IN MANAGING ETHNIC RELATIONS IN  
MALAYSIA*

Siti Aidah Lukin @ Lokin<sup>1\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>2</sup>, Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>3</sup>, Romzi Ationg<sup>4</sup>,  
Budi Anto Mohd Tamring<sup>5</sup>, Irma Wani Othman<sup>6\*</sup> & Saifulazry Mokhtar<sup>7</sup>

- <sup>1</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: sitiaida@ums.edu.my
  - <sup>2</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msahaimi@ums.edu.my
  - <sup>3</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: amrazif@ums.edu.my
  - <sup>4</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mrationg@ums.edu.my
  - <sup>5</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: budi@ums.edu.my
  - <sup>6</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my
  - <sup>7</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.01.2021  
Revised date: 15.02.2021  
Accepted date: 15.03.2021  
Published date: 30.04.2021

**To cite this document:**

Lukin, S. A., Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Ationg, R., Tamring, B. A. M., Othman, I. W., & Mokhtar, S. (2021). Kaedah dan Cabaran Dalam Mengurus Hubungan Etnik di Malaysia. International Journal of

**Abstrak:**

Kelestarian hubungan etnik yang harmonis amat diperlukan di Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk. Sehubungan itu, terdapat keperluan negara ini mempunyai kaedah mengurus secara khusus bagi tujuan tersebut yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kegiatan seperti menerusi kegiatan sukan, kesenian dan kebudayaan, sambutan perayaan dan kegiatan sosial komuniti. Namun demikian, adalah diakui bahawa dalam setiap kaedah yang dilaksanakan untuk mengurus hubungan etnik ini juga pastinya berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran. Makalah ini membincangkan tentang kaedah dan cabaran mengurus hubungan etnik di Malaysia berdasarkan penelitian pelbagai sumber sekunder seperti buku, jurnal dan akhbar. Berdasarkan penelitian, didapati bahawa meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan normal baharu kehidupan pada masa kini, namun keharmonian hubungan etnik masih dapat dipertahankan di Malaysia berikutan adanya kaedah yang bersesuaian.

Law, Government and  
Communication, 6 (23), 115-124.

DOI: 10.35631/IJLGC.623008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Kata Kunci:

Hubungan Etnik; Kaedah Mengurus; Cabaran Mengurus; Malaysia

#### Abstract:

The sustainability of harmonious ethnic relations is much needed in the plural society of Malaysia. For this reason, Malaysia highly required specific management methods for such goal which can be implemented through various activities such as sports activities, arts, and culture, festivals, community social activities. Having said that, however, it is important to note that such a method generally associated with various forms of challenges. This paper discusses the methods and challenges in ethnic relations management in Malaysia based on an examination of secondary sources such as books, journals, and newspapers. Thus, it shows that despite the challenges and the new normal of life today, Malaysia maintains its harmonious ethnic relations due to the methods.

#### Keywords:

Ethnic Relations; Management Method; Management Challenges; Malaysia

## Pengenalan

Hubungan etnik yang harmonis amat diperlukan bagi masyarakat pelbagai etnik dan pelbagai budaya di Malaysia. Kaedah mengurus hubungan etnik dalam masyarakat kepelbagaian ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kegiatan seperti menerusi kegiatan sukan, kesenian dan kebudayaan, sambutan perayaan, kegiatan sosial komuniti dan sebagainya. Artikel ini cuba memfokuskan beberapa kaedah mengurus hubungan etnik antaranya menerusi media sosial selaras dengan peranan media ini yang begitu penting pada era globalisasi kini. Selain media sosial, media dalam bentuk perfileman juga begitu popular dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kesepaduan sosial, aspek amalan harian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik ditandai oleh interaksi dan jalinan hubungan sosial yang saling berkait rapat dan bergantung antara satu sama lain.

Kaedah mengurus bersama semasa musibah dan bantuan kemanusiaan memperlihatkan kerjasama yang baik rakyat pelbagai etnik di negara kita dan amalan nilai-nilai kemanusiaan sejagat melangkaui sempadan serta batasan etnik. Dalam setiap kaedah yang dilaksanakan untuk mengurus hubungan etnik ini juga pastinya berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran, namun jika cabaran yang ada dapat ditangani sebaik mungkin, maka usaha mengurus hubungan etnik akan menjadi lebih berjaya dan berkesan.

## Media Sosial Wadah Baharu Hubungan Etnik Rentas Sempadan

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) membawa kepada penggunaan internet secara meluas di negara kita sejak awal tahun 1990-an. Pihak kerajaan juga memberikan bantuan dan sokongan yang menggalakkan dalam peluasan penggunaan internet ini di pelbagai sektor dan perkhidmatan. Sejajar dengan perkembangan ICT, alat komunikasi di dunia hari ini seperti satelit, mesin faks, telefon, televisyen dan komputer disambungkan kepada sistem internet yang membolehkan maklumat dalam semua bidang disebarkan ke seluruh dunia dengan pantas merentas sempadan geografi (Shamsul Amri Baharuddin, 2012: 232). Penyediaan pelbagai 'menu' internet seperti *e-mel*, *chatting*, *blog*, *facebook*, *twitter* dan *skype* telah memberikan wadah baharu dalam membina hubungan sesama manusia merentasi

sempadan etnik, agama, budaya dan negara. Penggunaan telefon bimbit daripada pelbagai jenama terkini memudahkan lagi manusia mendapatkan maklumat melalui internet dengan hanya menekan hujung jari. Kemudahan *Wi-fi* pula banyak disediakan di tempat awam, memberikan ruang dan peluang kepada pengguna untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat dan kerajaan, menyuarakan pendapat tentang kemajuan ekonomi, peluang pekerjaan, keselamatan dan sebagainya. Pelbagai kemudahan ini memberikan impak baharu dalam membina hubungan etnik melampaui batas masa, jarak dan lokasi (Shamsul Amri Baharuddin, 2012: 232). Perkembangan terbaharu ini menjadikan media sosial semakin berkembang dan menjadi medium penting dalam kehidupan harian rakyat Malaysia. Sesiapa sahaja pada masa kini yang tidak memiliki akaun laman-laman media sosial dianggap sebagai seseorang individu yang ketinggalan zaman.

Media sosial merupakan salah satu alat untuk berkongsi dan berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia secara maya. Media sosial ialah media yang digunakan terus secara atas talian yang membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi dan mencipta topik perbincangan meliputi blog, rangkaian sosial, forum dan dunia virtual. Dengan adanya kemajuan teknologi internet dan telefon bimbit, media sosial pun ikut berkembang pesat. Kini untuk melayari *facebook* dan *twitter* boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa hanya dengan menggunakan telefon bimbit. Media sosial berkembang dengan pesat kerana semua orang mampu memiliki media sendiri. Dalam media sosial seseorang boleh mengemukakan pendapat peribadi, mengulas penulisan orang lain sehingga terjalin komunikasi secara dua hala dan seterusnya boleh mencipta komunikasi dalam komuniti yang mempunyai agenda atau minat yang sama terhadap perkara yang diketengahkan dalam media sosial. Sesuatu perkara atau isu menjadi tular dalam media sosial apabila ia mengundang maklum balas sama ada secara positif mahupun negatif daripada ramai pengguna media sosial.

Dalam menguruskan hubungan etnik, tidak dapat dinafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media sosial kerana media ini boleh menjadi medium dalam menyebarkan maklumat tentang inisiatif kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat. Dasar-dasar kerajaan dan strategi ke-arah pemupukan hubungan etnik boleh diuar-uarkan dalam media sosial. Pelayar media sosial boleh mendapatkan maklumat daripada laman sesawang kementerian, jabatan, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan sebagainya. Malahan bagi mendukung kesejahteraan dinamisme sektor pendidikan tinggi, pengaplikasian kaedah PdP dalam talian telah menjadi modus operandi utama penyampaian ilmu dalam kalangan pelajar universiti pelbagai bangsa (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J., 2016b). Selain itu, media sosial juga dapat membekalkan maklumat tentang isu-isu semasa dengan pantas dan meluas. Maklumat tentang latar belakang dan budaya sesuatu etnik dan komuniti juga boleh disalurkan melalui laman-laman sesawang di media sosial (Dayu, Mohd Sohaimi, Budi & Yusten, 2015).

Pengaruh media sosial sebagai sumber maklumat di Malaysia ini semakin berkembang dan mula menunjukkan perubahan yang ketara ke atas cara berfikir dan cara bertindak masyarakat umumnya. Globalisasi meletakkan negara dalam era siber di mana setiap aspek kehidupan menghadapi cabaran bergerak sebagai satu unit koheren tanpa dibatasi sempadan (Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., dan Herlina, J., 2017). Internet dan media sosial ternyata memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk membina jaringan komunikasi antara satu sama lain, merentas kelas sosial, agama dan budaya. Dalam konteks kesepaduan sosial, peluang untuk meneroka, mencari, mengenali dan memahami maklumat tentang pelbagai etnik, agama dan budaya boleh diperolehi dengan cepat

dan mudah. Keadaan ini membolehkan pengguna media sosial memahami latar belakang sesuatu etnik dengan lebih dekat termasuk tentang kepercayaan, upacara keagamaan, dan perayaan yang diamalkan oleh sesuatu kelompok etnik.

Media sosial telah menjadi sebahagian daripada alat yang telah mentransformasi kehidupan manusia dan membawa perubahan sosial kepada masyarakat Malaysia. Ini selari dengan Transformasi Nasional (TN50) yang merujuk tindakan proaktif kerajaan dalam meletakkan wawasan pembangunan masyarakat Malaysia bagi tempoh selama 30 tahun (Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa & Halina Sandera Mohd Yakin, 2021). Perkembangan budaya internet yang meluas secara tidak langsung telah menjalin hubungan antara manusia daripada pelbagai etnik, agama, dan budaya sehingga berjaya mengikat kesepaduan sosial dalam kalangan mereka (Shamsul Amri Baharuddin, 2012: 232-233). Media sosial boleh menjadi alat penyampai yang berkesan dalam menerapkan nilai-nilai yang mendorong kepada perpaduan etnik. Misalnya dalam perkongsian individu atau komuniti tentang program-program kemasyarakatan yang mereka sertai bersama-sama etnik-etnik yang lain dimuat naik dalam media sosial boleh menjadi ikutan atau teladan dalam kalangan masyarakat.

Ketika merebaknya wabak Covid-19 di seluruh dunia, termasuk juga di negara kita, peranan media sosial ternyata begitu penting dalam menyalurkan maklumat berkenaan pandemik Covid-19. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan sejak bulan Mac 2020 bagi mengawal penyebaran wabak ini, pergerakan dan interaksi rakyat secara bersemuka menjadi terbatas. Justeru, ketika inilah media sosial menjadi wadah komunikasi rakyat. Dengan kemudahan teknologi seperti aplikasi *Whatsapp*, *Facebook*, *Googleform* dan lain-lain, tinjauan boleh dilakukan secara berkala dalam kalangan penduduk setempat untuk mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi dan bentuk bantuan yang boleh diberikan. Menerusi maklumat yang diperolehi secara atas talian, bentuk bantuan yang diperlukan dapat dikenal pasti dengan mengambil kira keperluan khusus kumpulan sasaran. Golongan ibu tunggal, anak yatim, warga emas, orang kurang upaya (OKU), belia menganggur dan isi rumah yang hilang sumber pendapatan mestilah diberikan perhatian sewajarnya berdasarkan keperluan mereka. Oleh yang demikian, bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh penduduk setempat dapat dikenal pasti dan dipadankan berdasarkan keperluan. Melalui pendekatan ini, penggunaan sumber dapat dimanfaatkan dengan berkesan manakala pembaziran dapat dielakkan (Badlishah Sham Baharin, 2020).

Meskipun media sosial amat berperanan dalam konteks hubungan etnik iaitu menyumbang kepada kewujudan kesepaduan sosial, namun di sisi lain juga terdapat banyak cabaran dalam penggunaan media sosial ini. Cabaran-cabaran yang ada bukan sahaja menjadi halangan dalam memupuk hubungan etnik tetapi juga boleh memecahbelahkan perpaduan dan menjejaskan keharmonian hubungan etnik yang telah sekian lama terbina dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di negara kita. Penyalahgunaan media sosial berlaku apabila seseorang individu atau segelintir anggota masyarakat menjadikan media sosial sebagai satu cara untuk mencapai kepuasan diri, memperbesar-besarkan isu perkauman dan keagamaan secara bebas, dan menyebarkan fitnah untuk mempengaruhi masyarakat menentang kerajaan. Dalam perkembangan media sosial di Malaysia, pelayar media sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, agama, budaya, status sosioekonomi dan taraf pendidikan yang berbeza-beza. Justeru, perbincangan yang agak rasional tentang sesuatu isu dalam media sosial jarang kelihatan, malah perbincangan yang baik akhirnya boleh berakhir dengan pertikaman lidah dan persengketaan di media sosial. Kekurangan dari segi ilmu pengetahuan, kadar celik politik,

sejarah dan fakta yang agak rendah menyebabkan perbincangan di laman-laman sosial lebih berkisar kepada hal-hal peribadi dan fitnah antara satu sama lain. Terdapat juga pihak yang memanipulasi fakta yang betul atas kepentingan, etnik, agama dan ideologi politik masing-masing. Tindakan sebegini membangkitkan kemarahan dan rasa kebencian antara individu mahupun sesuatu kelompok etnik yang menjejaskan keharmonian dalam hubungan etnik. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan pelayar media sosial yang tidak memahami isu-isu sensitif yang berkaitan dengan etnik dan agama serta tidak menghormati sensitiviti etnik lain sehingga memuat naik perkongsian di laman sosial yang dianggap sebagai penghinaan kepada amalan kepercayaan, agama dan budaya sesuatu etnik.

Bagi memastikan media sosial mampu berperanan dalam pemupukan hubungan etnik yang harmoni, semua pihak terutamanya pihak kerajaan mesti bertindak tegas dalam menangani segala bentuk penyalahgunaan dalam media sosial. Selain mengadakan kawalan dan penguatkuasaan yang lebih tegas mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, kerajaan mesti bertindak pantas menyekat laman sesawang yang boleh mencetuskan perbalahan kaum. Kerajaan juga perlu menyediakan platform yang betul untuk rakyat menyuarakan pendapat masing-masing menerusi ruang forum, ruang aduan yang dikawal selia dengan baik oleh petugas jabatan-jabatan kerajaan itu sendiri. Pengguna media sosial pula seharusnya bijak memanfaatkan teknologi terkini, menapis maklumat dalam media sosial, dan mempunyai kesedaran memahami isu-isu sensitif serta menghormati sensitiviti etnik lain. Masyarakat perlu meningkatkan kesedaran, kebertanggungjawaban dan bertindak berdasarkan undang-undang. Jika sesuatu maklumat yang tersebar di media sosial itu dirasakan tidak betul dan boleh menjatuhkan imej seseorang maka mereka hendaklah tampil untuk bersama aduan kepada pihak berkuasa agar tindakan yang sewajarnya boleh diambil kepada pihak yang tidak bertanggung jawab itu. Tindakan sebegini akan membantu mengurangkan masalah penyalahgunaan media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia.

### **Media Perfileman Sebagai Teladan**

Selain media sosial, media dalam bentuk perfileman juga begitu popular dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Media dalam bentuk perfileman dapat menyemai nilai-nilai perpaduan yang unik serta pengukuhan hubungan etnik masyarakat Malaysia menerusi teladan yang ditunjukkan sama ada menerusi jalan cerita sesebuah filem mahupun perwatakan watak-watak utama dan sampingan dalam filem berkenaan. Filem seperti *Ola Bola* mendapat sambutan hebat penonton sejak mula ditayangkan pada 28 Januari 2016 kerana filem ini diilhamkan daripada peristiwa sebenar dalam sukan bola sepak negara era 1980-an. Filem ini banyak memaparkan kerjasama dan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai etnik. Filem arahan Chiu Keng Guan yang berlatar belakangkan era kegemilangan bola sepak negara pada tahun 1980-an itu mengetengahkan kisah para pemain bola negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan anutan agama yang diwakili oleh watak Ali, Tauke, Muthu, Sanjeet, Eric, Chai dan lain-lain lagi. Semangat berpasukan yang begitu kental dalam jiwa para pemain menyebabkan mereka sentiasa bersama menghadapi segala cabaran, sentiasa bersama ketika susah dan senang atau ketika menghadapi kemenangan atau kekalahan dalam pertandingan bola sepak. Kerjasama, usaha gigih, semangat tinggi para pemain dan sokongan daripada rakyat pelbagai etnik terhadap pasukan bola sepak kebangsaan menjadi faktor pendorong kepada kemenangan pasukan ini memasuki Sukan Olimpik Moscow 1980.

Filem-filem yang dapat mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda juga perlu sering ditayangkan di televisyen dan tidak hanya ditumpukan ketika sambutan bulan



kemerdekaan sahaja atau musim sambutan sesuatu perayaan sahaja (Dayu, Mohd Sohaimi, Budi & Yusten, 2015). Malah usaha menggalakkan penghasilan filem yang dapat melambangkan keunikan budaya masyarakat kepelbagaian di Malaysia harus ditingkatkan bagi menambah kefahaman dan penghayatan rakyat tentang latar belakang serta realiti kepelbagaian dalam masyarakat. Selain itu, penghasilan filem-filem pendek juga boleh memberikan impak yang positif kepada penonton meskipun paparan cerita dalam filem sebegini hanya mengambil masa selama tiga hingga tujuh minit sahaja. Misalnya penghasilan 15 buah filem pendek oleh pengarah muda di Malaysia pada tahun 2009. Antara filem pendek yang terhasil adalah seperti *Halal*, *Potong Saga*, *Chocolate*, *The Tree*, *House*, *The Son*, *Lumpur*, *Lollipop*, *One Future*, *Gerhana*, *Meter*, *Duit Kecil*, *Rojak*, *Slovak Sling* dan *Healthy Paranoia* (Shamsul Amri Baharuddin, 2012: 230). Gabungan dan kerjasama pelbagai etnik bukan sahaja dilihat dalam proses menghasilkan sesuatu filem sebagai suatu karya seni, tetapi juga dipaparkan melalui kepelbagaian dalam jalan cerita filem-filem tersebut. Penghasilan filem yang menitikberatkan unsur-unsur perpaduan dan teladan kepada masyarakat mampu meninggalkan impak positif dalam usaha pemupukan hubungan etnik yang harmonis dalam kalangan rakyat Malaysia.

### **Pengalaman Harian dan Jalinan Interaksi Sosial**

Hubungan baik yang terjalin antara individu atau kelompok yang berbeza latar belakang budaya, agama dan bahasa biasanya berlaku tanpa paksaan. Pengalaman harian yang terhasil daripada hubungan tersebut pula berlaku dalam pelbagai suasana dan ruang lingkup yang luas. Hubungan etnik yang harmoni berlaku dalam kehidupan seharian dalam masyarakat, komuniti dan juga di tempat kerja. Hubungan yang baik bukan setakat di tempat kerja malah melibatkan aktiviti di luar tempat kerja seperti makan bersama, ziarah-menziarahi rakan yang ditimpa musibah dan meraikan perayaan pelbagai etnik (Azlina Abdullah, Mohd. Mahadee & Mansor, 2016:57). Kelompok-kelompok etnik di Malaysia sentiasa berhubungan di antara satu sama lain dan saling bercampur aduk dengan dimensi-dimensi sosial yang lain dalam mereka mengejar ganjaran material dan kedudukan sosial dalam masyarakat. Lantaran itu masyarakat Malaysia didapati berubah dengan pantas secara relatif dengan kadar pertumbuhan ekonomi dan modenisasi yang berlaku dalam masyarakat.

Dari perspektif sistem pendidikan tinggi negara, dasar pengantarabangsaan menggalakan partisipasi pelajar yang merangkumi kewarganegaraan global, tuntas meletakkan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan di persada antarabangsa (Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J., 2016a). Keadaan ini telah membina individu-individu yang berhubungan di antara satu sama lain, di sebalik kepelbagaian latar belakang etnik itu, memiliki sikap saling bergantung di antara satu sama lain, dan seterusnya menjadi lebih kompleks lagi. Dengan mengandaikan kesetiaan etnik adalah menjadi penyebab dan penentu kepada terbinanya bentuk dan intensiti hubungan di antara kumpulan etnik yang ada di Malaysia, cara yang paling berkesan untuk mengkaji ikatan etnik ialah dengan memberi tumpuan pada bentuk dan intensiti hubungan di peringkat individu dan pada masa yang sama mencari pengaruh pelbagai dimensi sosial yang membentuk kolektif, terutamanya dimensi etnik, politik dan ekonomi dalam mereka mengejar kemajuan dan kualiti hidup yang baik (Azlina Abdullah, Mohd. Mahadee & Mansor, 2016:55).

Dalam usaha mengukuhkan kesepaduan sosial, aspek amalan harian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik ditandai oleh interaksi dan jalinan hubungan sosial yang saling berkait rapat dan bergantung antara satu sama lain. Interaksi dan jalinan hubungan sosial yang rentas etnik, agama dan budaya ini boleh berlaku di tempat kerja, di kawasan tempat tinggal dan ketika anggota masyarakat sama-sama terlibat dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan.

Semakin luas peluang seseorang individu berinteraksi dengan etnik yang lain maka semakin bertambah ilmu dan pengalamannya tentang budaya dan anutan agama etniklain. Perkara ini sangat penting dalam menyuburkan nilai-nilai kerjasama dan toleransi antara etnik di samping kesedaran untuk memahami serta menghormati amalan budaya etniklain. Pengalaman harian dan interaksi yang meluas antara pelbagai etnik di negeri Sabah boleh dijadikan satu teladan yang baik oleh masyarakat Malaysia umumnya.

Amalan perkahwinan campur dan anutan pelbagai agama dalam sesebuah keluarga dan komuniti di Sabah menyebabkan toleransi etnik dalam kalangan masyarakatnya begitu tinggi. Perbezaan dari segi anutan agama tidak menghalang masyarakat untuk saling bekerjasama dan meraikan perayaan etnik lain secara bersama-sama. Malah perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan disambut secara bersama-sama dalam kalangan masyarakat. Budaya kunjung mengunjung ketika sambutan pelbagai perayaan terus dipupuk dan menjadi amalan yang mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Oleh sebab itu, apabila berlaku isu-isu yang melibatkan isu etnik dan agama yang begitu hangat dalam kalangan masyarakat Malaysia di negeri-negeri lain, masyarakat pelbagai etnik di Sabah tidak cepat bersifat prejudis tetapi sebaliknya bertindak lebih matang dalam memperhalusi isu-isu berkenaan kerana mahu mengelakkan daripada menjejaskan keharmonian hubungan etnik yang sudah sedia terjalin. Bagi masyarakat pribumi di pedalaman Sabah sememangnya melazimi amalan bertoleransi dan cenderung mewujudkan hubungan positif dalam perkara yang melibatkan hubungan antara agama. Hal ini berlaku kerana interaksi atau dialog seharian berlangsung melalui jalinan pertemuan dan perkenalan yang dipupuk dan disemai melalui interaksi seharian sehingga terbina kemesraan antara pihak berbeza agama. Interaksi seharian ini tidak hanya berlaku secara seketika atau pada masa-masa tertentu atau secara bermusim. Sebaliknya, interaksi seharian antara agama ini berlangsung secara berterusan, kerap kali dan berpanjangan kerana mereka tinggal bersama di kawasan perkampungan yang sama (Suraya, Budi Anto, Nur Farhana, Siti Aidah & Halina Sendera, 2019:13-14).

Di Malaysia, kesemua kumpulan etnik yang sedia ada diberi kebebasan mengamalkan cara hidup masing-masing termasuk perkara yang berkaitan dengan warisan budaya mereka. Oleh sebab itu penganjuran program-program yang boleh mengeratkan interaksi rentas etnik, agama dan budaya perlu disokong oleh semua pihak kerana menerusi program-program sebegini interaksi dan jalinan hubungan antara masyarakat pelbagai etnik dapat dikukuhkan (Budi, Mohd Sohaimi & Mohd Azri, 2020). Pengalaman harian antara seseorang individu dengan individu yang lain, antara sesuatu komuniti dengan komuniti yang lain dalam bergaul dengan etnik yang lain mungkin berbeza antara satu sama lain. Kesan daripada pengalaman harian inilah juga yang mencorakkan sikap, cara berfikir dan cara mereka bertindak dalam mendepani cabaran-cabaran dalam pemupukan hubungan etnik yang harmoni.

### **Mengurus Bersama Semasa Musibah dan Bantuan Kemanusiaan**

Kejadian bencana alam yang pernah berlaku di negara kita seperti banjir besar, gempa bumi, tanah runtuh dan banjir lumpur telah meninggalkan pelbagai kesan dan kesusahan kepada penduduk yang terlibat dengan musibah bencana alam tersebut. Ketika berlakunya bencana alam, mangsa-mangsa yang terlibat amat memerlukan pelbagai bantuan dan sokongan moral daripada pihak kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia. Pengalaman di Malaysia memperlihatkan penglibatan rakyat pelbagai etnik dalam mengurus bantuan semasa bencana alam dan bantuan kemanusiaan. Misalnya ketika berlakunya banjir besar di Kelantan pada tahun 2014 dan kejadian gempa bumi di daerah Ranau Sabah pada tahun 2015, pelbagai pihak telah tampil

untuk memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam berkenaan. Selain bantuan daripada pihak kerajaan, pihak-pihak lain juga seperti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat, kumpulan-kumpulan sukarela rentas etnik, agama dan budaya turut menguruskan bantuan dan misi kemanusiaan kepada mangsa bencana alam berkenaan. Kutipan pelbagai tabung bencana alam ternyata mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia yang prihatin kepada nasib dan kesulitan yang ditanggung oleh mangsa bencana alam. Pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan untuk membantu mangsa bencana alam, kemalangan dan mangsa peperangan diberikan segenap lapisan masyarakat di negara kita. Antara NGO yang terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan ini ialah seperti *Medical Relief Society* (Mercy) Malaysia, Ikatan Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Yayasan Ikhlas, Aman Paletin, ISMA dan sebagainya. Orang awam sebagai sukarelawan bersama-sama NGO terbabit dalam menjayakan aktiviti ini sepanjang tahun sama ada mangsa dan bencana alam itu berlaku di dalam atau luar negara. Mercy Malaysia misalnya, mempunyai kira-kira 7,000 orang sukarelawan yang berdaftar di seluruh negara. Antara bentuk bantuan kepada mangsa bencana alam termasuklah menyediakan makanan dan minuman, kewangan, kesihatan dan perubatan, khidmat kaunseling, kepakaran menyelamat, bantuan perlindungan dan tempat tinggal. Bantuan kemanusiaan berbentuk keperluan asas seperti makanan, pakaian dan logistik kepada mangsa bencana yang memerlukan. Bantuan perlu sampai ke tempat bencana pada kadar segera dan biasanya bersifat sementara sehingga digantikan dengan bantuan secara berkala oleh pihak berwajib atau agensi bantuan dalam jangka panjang (bharian online, 15 April 2017).

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan besar kepada masyarakat, merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuk ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak Mac 2020, diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), merubah gaya hidup masyarakat dengan ketara. Selain kesan kesihatan awam, pekerjaan, pembelajaran anak-anak dan perniagaan turut terkesan. Ada dalam kalangan anggota masyarakat yang kehilangan sumber pendapatan. Ketika inilah pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan kepada golongan yang terkesan tanpa mengira latar belakang masing-masing. Perkembangan ini menunjukkan masyarakat kita merupakan masyarakat yang prihatin, pemurah dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan (Badlishah Sham Baharin dan Mohammad Abdul Hamid, 2020).

Bagi mendepani cabaran berkaitan kebiasaan baharu (*new normal*) ketika dan pasca pandemik Covid-19, pelbagai bentuk sokongan diperlukan sama ada daripada sudut material, moral dan lain-lain. Sebagai anggota masyarakat, setiap individu boleh berperanan menjaga kebajikan jiran tetangga dan saudara mara, dengan bertanya khabar dan prihatin terhadap apa yang berlaku. Perkara yang mungkin nampak kecil namun memberi impak yang besar dalam mengukuhkan hubungan boleh diamalkan seperti saling berbalas buah tangan dengan jiran tetangga. Pada peringkat komuniti setempat, pelbagai inisiatif boleh diusahakan bersesuaian dengan konsep “kita jaga kita”, slogan yang kini kian sebatik dalam kalangan rakyat di negara ini. Selain sokongan material dan moral, sumbangan kepakaran juga boleh diberikan. Anggota komuniti yang mempunyai pengalaman kerjaya atau kemahiran boleh memberi khidmat nasihat kerjaya atau kursus dalam talian secara percuma kepada golongan belia atau graduan yang menganggur. Setiap komuniti mestilah mengambil pendekatan yang kreatif dan praktikal untuk memenuhi keperluan komuniti masing-masing.

Komuniti setempat juga boleh bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan atau pun badan bukan kerajaan (NGO) untuk menghulurkan bantuan (Badlishah Sham Baharin dan



Mohammad Abdul Hamid, 2020). Bagi yang memerlukan perkhidmatan kaunseling, Talian Khas Kaunseling COVID-19 yang diwujudkan melalui Talian Kasih dan WhatsApp Talian Kasih oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta NGO seperti Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (Teratai) mestilah dimanfaatkan sebaiknya. Insituisi keagamaan iaitu masjid dan rumah ibadat berada pada kedudukan yang baik untuk membantu anggota masyarakat berbilang kaum dan agama mendepani cabaran berkait kebiasaan baharu COVID-19 yang tidak mengenal warna kulit dan kepercayaan. Penyelarasan hendaklah dilakukan supaya sumber yang ada dapat dimanfaatkan sebaiknya. Ketika mendepani cabaran kebiasaan baharu yang tidak menentu, pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan oleh komuniti setempat. Pendekatan berorientasikan “whole of society approach” mestilah diambil dengan menggembeng daya sumber seluruh anggota komuniti untuk meningkatkan kesejahteraan dan memupuk perpaduan dalam masyarakat dalam kebiasaan baharu COVID-19 (Badlishah Sham Baharin dan Mohammad Abdul Hamid, 2020).

Ketika berlakunya musibah bencana alam juga, rakyat pelbagai etnik di negara kita memperlihatkan kerjasama yang baik dan amalan nilai-nilai kemanusiaan sejagat melangkaui sempadan dan batasan etnik. Keprihatinan rakyat Malaysia bukan sahaja ketika berlakunya musibah di dalam negara tetapi juga terhadap musibah yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara jiran. Tragedi ancaman tsunami di Aceh dan gempa bumi di Palu, Indonesia misalnya, memperlihatkan kerjasama rakyat Malaysia dalam mengurus misi bantuan kepada mangsa bencana alam di negara jiran. Pembabitan NGO-NGO ini dalam misi antarabangsa seperti di Gaza, Palestin, Aceh dan Palu di Indonesia, sempadan Bangladesh dan Myanmar telah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak di dalam dan luar negara (Utusan online, 14 Mac 2018). Semangat sukarelawan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai etnik mesti dipupuk secara berterusan bagi memastikan rakyat pelbagai etnik terlibat dalam menguruskan serta menyokong misi bantuan kemanusiaan kepada golongan yang memerlukan bantuan di negara ini dan pada peringkat antarabangsa.

### **Kesimpulan**

Mengurus hubungan etnik memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat secara umum. Interaksi yang aktif antara individu atau komuniti dalam kehidupan harian mampu memupuk dan mengukuhkan hubungan sosial rentas etnik, agama dan budaya. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan normal baharu kehidupan pada masa kini, namun dengan adanya media sosial dan rangkaian aplikasi perhubungan secara maya yang lain dapat meneruskan interaksi dalam kalangan masyarakat kepelbagaian di Malaysia. Usaha berterusan oleh pihak kerajaan, swasta dan masyarakat umumnya amat diperlukan bagi memastikan hubungan etnik masyarakat kepelbagaian di Malaysia kekal harmoni dan dinamik.

### **Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan geran penyelidikan UMS (TPB1903).

## Rujukan

- Azlina Abdullah, Mohd. Mahadee Ismail & Mansor Mohd. Noor. (2016). *Etnisiti Di Tempat Kerja: menghormati Perbezaan, Meraikan Kepelbagaian*, Research Journal of Science Sosial. Diakses melalui laman sesawang: [https://www.researchgate.net/publication/311419491\\_Etnisiti\\_Di\\_Tempat\\_Kerja\\_menghormati\\_Perbezaan\\_Meraikan\\_Kepelbagaian](https://www.researchgate.net/publication/311419491_Etnisiti_Di_Tempat_Kerja_menghormati_Perbezaan_Meraikan_Kepelbagaian)[ diakses pada 17 April 2021].
- Budi Anto Mohd Tamring, Mohd Sohaimi Esa & Mohd Azri Ibrahim (2020). Hubungan Kaum dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pantai Barat Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 147-158.
- Badlishah Sham Baharin dan Mohammad Abdul Hamid (2020). Memupuk perpaduan komuniti dalam kebiasaan baharu COVID-19. *Tinta Minda*, Bernama.com, 7/7/2020.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Budi Anto Mohd Tamring & Yusten Karulus. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*, Petaling Jaya: SASBADI Sdn. Bhd.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa & Halina Sandera Mohd Yakin. (2021). The Health Enhancement Impact of Self Assimilation in Academic Achievement Amongst International Students in Malaysian Public Universities. *Sys Rev Pharm.* 12(3): 540-551.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2017). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society.* 11(2017):98-108.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2016b). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. *Journal of Education and Social Sciences.* 5(2):339-345.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2016a). Mengantarabangsakan Pendidikan Tinggi: Universiti dan Kewarganegaraan Global. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship.* 3(5):107-118.
- Mangsa bencana harga khidmat sukarelawan, *bharian* online, 15 April 2017.
- Mercy Malaysia cakna bantu mangsa bencana, *Utusan* online, 14 Mac 2018.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. 2011. *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik. Edisi Kedua*, Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin & Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*, 2(1), 5-15.